

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SEREMBAN
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA
KES NO.NA-A53KJ-471-09/2021
ANTARA**

MOHAMMAD NAZRI BIN NORAZRIN ...PLAINTIF
[NO.KP: 020410-05-0405]

DAN

1. BOJES
[NO.PASSPORT: C7349606]
2. URBANHYDRO SOLUTION
[NO.ID: 002127647-A] ... DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Suatu notis rayuan yang bertarikh 3 Ogos 2023 telah difailkan oleh Plaintiff/Perayu berkaitan dengan isu kuantum yang diputuskan oleh Mahkamah ini pada 31 Julai 2023. Plaintiff/Perayu tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan kuantum yang telah diberikan oleh Mahkamah ini pada 31 Julai 2023 walaupun beberapa gantirugi khas



telah pun dipersetujui oleh Plaintiff dan Defendan malah terdapat gantirugi yang diberikan oleh Mahkamah sebagaimana jumlah yang dituntut oleh Plaintiff.

FAKTA KES

[2] Fakta kes ini ialah berkenaan dengan satu kemalangan pada 8 Januari 2021 yang melibatkan satu pelanggaran antara Plaintiff, penunggang motosikal No. Pendaftaran NCN 5610 dengan sebuah motorkar No. Pendaftaran WXC 5406 yang dipandu oleh Defendan Pertama.

[3] Kemalangan berlaku semasa Plaintiff dari Kualiti Alam menuju ke rumah di Chuah telah berlanggar dengan motorkar No. Pendaftaran WXC 5406 yang dipandu oleh Defendan Pertama di simpang 3 lampu isyarat Taman Sendayan Indah

[4] Berikutan kemalangan tersebut, Plaintiff mengalami kecederaan yang berikut:

- (a) *Severe traumatic brain injury;*
- (b) *Facial bone fracture-Left Zygomatic Fracture;*
- (c) *Dental trauma;*
- (d) *Traumatic chest injury;*



- (e) *Traumatic Intraabdominal injury;*
- (f) *Closed comminuted fracture of the left distal end radius and ulna;*
- (g) *Closed fracture midshaft of the left femur;*
- (h) *Multiple laceration wounds over face and superficial laceration at lip;*
- (i) *Scar; dan*
- (j) *Muscle wasting and reduced muscle power.*

[5] Pada 15 Jun 2022, Plaintiff dan Defendan telah mencapai persetujuan untuk merekodkan liabiliti Plaintiff sumbang cuai 5% dan Defendan sumbang cuai 95%.

KEPUTUSAN

[6] Berdasarkan asas taksiran liabiliti 100%, amaun gantirugi am dan gantirugi khas yang dibenarkan dan ditaksirkan adalah seperti yang berikut:



GANTI RUGI AM

- (a) *Severe traumatic brain injury* ialah RM 100,000.00;
- (b) *Facial bone fracture-Left Zygomatic Fracture* RM 12,000.00;
- (c) *Dental trauma* RM 4,000.00;
- (d) *Traumatic chest injury* RM 20,000.00;
- (e) *Traumatic Intraabdominal injury* RM 12,000.00;
- (f) *Closed comminuted fracture of the left distal end radius and ulna* RM 25,000.00;
- (g) *Closed fracture midshaft of the left femur* RM 35,000.00;
- (h) *Multiple laceration wounds over face and superficial laceration at lip* RM 5,000.00;
- (i) *Scar* RM 10,000.00; dan
- (j) *Muscle wasting and reduced muscle power* RM 3,000.00.



GANTI RUGI KHAS

- (a) Kos perjalanan bagi pesakit dan keluarga sebanyak RM600 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (b) Kos dokumen Polis sebanyak RM50.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (c) Kos carian JPJ sebanyak RM10.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (d) Kos laporan perubatan sebanyak RM80.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (e) Kos rawatan/perbelanjaan perubatan/Bil Hospital sebanyak RM458.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (f) Ubat-ubatan masa depan dibenarkan sebanyak RM1000.00;
- (f) Kos fisioterapi ini tidak dibenarkan
- (g) Kos rawatan/pembedahan masa akan datang tidak dibenarkan
- (h) Kos kesakitan masa depan tidak dibenarkan



- (i) Kos membaiki kenderaan motorsikal dibenarkan sebanyak RM2,548.

[7] Mahkamah juga membenarkan tuntutan faedah pada kadar 5% setahun dari tarikh kemalangan sehingga penghakiman, faedah terhadap ganti rugi khas pada kadar 2.5% setahun dari tarikh kemalangan hingga penghakiman, faedah di atas ganti rugi am dan khas pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman dan juga kos mengikut skala.

ALASAN KEPUTUSAN

Kuantum

[8] Setelah mengambil kira autoriti-autoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak untuk menyokong hujah-hujah mereka, award telah diberikan mengikut prinsip undang-undang untuk gantirugi am dan award yang terkini atas dasar taksiran 100%, amaun gantirugi khas dan gantirugi am yang dibenarkan dan ditaksirkan berdasarkan laporan perubatan yang berikut:

- (a) Laporan Perubatan Hospital Tuanku Ja'afar bertarikh 31 Mac 2021(Surgical) dan 16 April 2021(Rehabilitasi);



- (b) Laporan Perubatan Pakar Plaintiff dari Mahkota Orthopaedics Bone and Joint Clinic bertarikh 8 Januari 2021;
- (c) Laporan Pakar Plaintiff (Neurosurgical) dari Universiti Kebangsaan Malaysia bertarikh 2 September 2021;
- (d) Laporan Perubatan Pakar Plaintiff (Oral dan Maxillofacial Surgery) dari Pantai Hospital Ayer Keroh bertarikh 9 Oktober 2021;
- (e) Laporan Perubatan Pakar Defendan (Neurosurgery) dari Gleneagles Hospital Kuala Lumpur bertarikh 8 Disember 2021;
- (f) Laporan Perubatan Pakar Defendan (Orthopaedic) bertarikh 8 Disember 2021; dan
- (g) Laporan Perubatan Pakar Defendan (Oral & Maxillofacial Surgery) bertarikh 15 Julai 2022.

GANTI RUGI AM

[9] Mahkamah telah meneliti laporan perubatan kecederaan Plaintiff dan membaca hujah kedua-dua peguam



S/N 4C/6wHmmkGV1jhMykkPEA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[10] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **Amirul Zulhelmi Izhar lwn Lim Swee Keat & Anor [2017] MLRSU 109**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM180,000.00 bagi kecederaan *severe traumatic brain injury* sedangkan Laporan Pakar Perubatan terkini oleh Pakar Defendan menyatakan kecederaan tersebut menyebabkan Plaintiff mengalami antaranya *“slightly reduced concentration ability, 5% life time risk of developing seizures in the future, able to perform his daily living independently, exhibits mild cognitive deficits and neurobehavioural symptoms, expected to have a normal life expentance and will not need any further operations for sustained injuries.”*.

[11] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Vadivelan a/l Ladasanasi & Anor lwn Ganesh a/l Kasi & Anor [2016] 1 PIR 55** yang mana Mahkamah telah mengawadkan RM 60,000-00 bagi *severe head injury-multiple intracranial haemorrhages*.

[12] Mahkamah merujuk keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dalam kes **Mohd Naim bin Abdullah lwn Muhamad Zulkiflee bin Anwar [2023] 1 LNS 64** yang mana Mahkamah Tinggi mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang mengaward sebanyak RM400,000 bagi *severe traumatic brain injury with DAI Grade 2*.

[13] Walau bagaimanapun, keadaan Plaintiff dalam kes Mohd Naim berbeza kerana tiada keterangan yang diperolehi daripada Plaintiff Pertama kerana beliau telahpun tidak sedarkan diri dan hilang keseluruhan daya upaya secara kekal menyebabkan beliau tidak dapat



memberikan keterangan di mahkamah sedangkan dalam kes ini Plaintiff berupaya memberikan keterangan dan masih mengingat butiran kemalangan yang telah berlaku hampir 2 tahun.

[14] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award RM 100,000-00 bagi *severe traumatic brain injury* wajar dan adil bersesuaian dengan prinsip undang-undang.

[15] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **R Zakariya R Abdul Hamid lwn Rutheven Theodore Bowman & Anor [2018] PILRU 15** dan **Raka lwn Kamarudin Alias [2019] PILRU 18**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM 20,000.00 bagi kecederaan *facial bone fracture-left zygomatic fracture* sedangkan Laporan Pakar Perubatan terkini oleh Pakar Defendan menyatakan kecederaan yang dialami Plaintiff telah pulih "*his facial bone has healed completely*".

[16] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Ismail bina Husin lwn Mohd Faiz bina Mohd Nor [2016] 2 PIR 17** yang mana Mahkamah telah mengawadkan RM 10,000-00 bagi *facial bone fracture-left zygomatic fracture*.

[17] Mahkamah mempertimbangkan kedua-dua kes yang dirujuk Peguam Plaintiff dan Peguam Defendan dan dengan bersandarkan Revised Compendium of Personal Injury Award Mahkamah mengawarkan sebanyak RM12,000.00 bagi *facial bone fracture-left zygomatic fracture*.



[18] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu kes **Ramachandran Muniandy lwn Trio Supply & Services Sdn. Bhd dan satu lagi [2012] MLRSU 1 dan kes Marshithah Ismail lwn Ahmad Abdullah & satu lagi [2014] PILRU 69** kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM15,000.00 bagi kecederaan dental trauma sedangkan Laporan Pakar Perubatan terkini oleh Pakar Defendan menyatakan kecederaan yang dialami Plaintiff *“ideally done with a trans-ossesous implant supported by crown, enamel fracture on upper left central incisor and lower left canine can be repaired with composite filing, the missing upper left canine can be replaced by implant and crown and the fracture left first premolar needs root canal treatment and post crown.”*.

[19] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Helmi bin Abdullah lwn Mohammad Mustafar Kamal bina Adnan [2021] AMEJ 1358** yang mana Mahkamah telah mengawadkan sebanyak RM3,000-00 bagi *Dental Trauma*.

[20] Mahkamah turut merujuk keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Ghazali Cha, dalam kes **Jeteheandran a/l Arumugam lwn Chandra Mogan a/l Santhira Segaran [2009] 2 PIR [16]** yang menyatakan seperti yang berikut:

“Terdapat kemajuan kepada kecederaan plaintiff selepas tempoh hampir tiga tahun selepas kemalangan, maka atas dasar itu sepatutnya Hakim Mahkamah Sesyen perlu timbangkan keadaan-keadaan ini, kecuali kepada kecederaan kekal yang tidak boleh diubah dan diperbetulkan lagi.”.



[21] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini dan dengan berpandukan *Revised Compendium* 2018 maka Mahkamah berpendapat award sebanyak RM4,000.00 munasabah *Dental Trauma*.

[22] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu kes **Lau Ping Siong & Anor lwn Nador Tawi [2012] MLRHU 1**, dan kes **Mohd Fayzul b Ahmad & 2 ors lwn Ismail b Hamid & Anor [2008] 2 PIR 60**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM20,000.00 bagi kecederaan *traumatic chest injury*.

[23] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Nur Shafiq bin Shahrudin lwn Sheikh Mohd Farouk bin Abdul Khalid [2022] 1 PIR 32** dan kes **Mohd Noorusallam bina Md Saad lwn Jamaluddin bina Desa [2016] 1 PIR 42** yang mana Mahkamah telah mengawadkan RM 14,000-00 dan RM 15,000-00 bagi *Bilateral pneumothorax with right haemothorax and left lung contusion and Bilateral lung contusion with right haemathorax*.

[24] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 20,000.00 bagi *traumatic chest injury* dengan berpandukan *Revised Compendium* 2018.



[25] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu kes **Zul Hasymi Shahidan & Ors lwn Mohana Raja Gopal & Ors [2010] PILRU 11** dan kes **Khalijah Man & Anor lwn Mohd Nazri Abu Bakar & Anor [2017] PILRU 19**, kuantum yang dihujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM20,000.00 bagi kecederaan *traumatic intraabdominal injury-splenic injury*.

[26] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian kes **Rugayah bin Mamat lwn Xavier a/l Thamboo (Abu Kassim bin Ka maruddin Anor-Third Parties) [2022] 1 PIR 9** dan kes **Nik Aziz bin Mohamed lwn Mohd Nasyrudin bin Mohd Kadir & Anor [2022] 1 PIR 13** yang mana Mahkamah mengawardkan sebanyak RM 10,000.00 dan RM 12,000.00 bagi kecederaan *Grade 1 splenic injury dan Grade III splenic injury*.

[27] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 12,000.00 bagi *traumatic intraabdominal injury-splenic injury* dengan berpandukan *Revised Compendium 2018*

[28] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu kes **Nurul Hisam Ishak lwn Lee Yoon Cheong & satu lagi [2017] PILRU 49** kuantum yang dihujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM38,000.00 bagi *Closed comminuted fracture of the left distal end radius and ulna* .

[29] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah laporan terkini Pakar Defendan “ *muscle power are full, fracture has healed with*



restoration of radial height, radial inclination and radial tilt. There is an intra-articular step however this step deformity is small, There is risk of developing post traumatic osteoarthritis of the wrist but the risk is low” dan mencadangkan award sebanyak RM 20,000.00.

[30] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 25,000.00 bagi *Closed comminuted fracture of the left distal end radius and ulna* dengan berpandukan *Revised Compendium* 2018 munasabah dan adil.

[31] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **kes Muhamad Firdaus Adzmi lwn Tiu Tong Lu & Yang lain [2016] MLRSU 2** dan kes **Mohamed Nazir Bakar & Anor lwn Wan Darulsalam Wan Zain & Ors [2017] 3 MLRH 599**, kuantum yang dihujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM50,000.00 bagi *Closed fracture of the right femur*.

[32] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah laporan terkini Pakar Defendan “ *ROM of left ankle is full, power muscle of the joints are full, no further intervention is required*” dan mencadangkan award sebanyak RM 30,000.00.

[33] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 35,000.00 bagi *Closed fracture midshaft of the left femur* dengan berpandukan *Revised Compendium* 2018 munasabah dan adil.



[34] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **kes Sauri Mohamed lwn Mohd Rafoe Hazali & yang lain [2015] PILRU 69** dan kes **Min Soe lwn Muhammad Din Omar & Anor [2015] PILRU 35**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM20,000.00 bagi *Multiple laceration wounds over face and superficial laceration at lip*.

[35] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Ab Halim bin Ariffin & Anor lwn Mod Sabri bin Salleh & Anor [2022] 1 PIR 27** dan mencadangkan award sebanyak RM 1,500.00 bagi laceration wound over the left upper lip dan RM 3000 bagi multiple laceration wounds.

[36] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 5,000.00 bagi *Multiple laceration wounds over face and superficial laceration at lip* dengan berpandukan *Revised Compendium* 2018 merupakan award yang munasabah dan adil.

[37] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **kes Rugber Kaur Ajaib Singh lwn Ho Shee Fun & Satu Lagi [2002] PILRU 1** dan kes **Muhammad Shabirin Jamaludin lwn Ishar Ahmad [2014] PILRU 104**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM20,000.00 bagi *scars*

[38] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes **Nor Suriawaty bt Abu Bakar lwn Wong Kon Kum [2018] 2 PIR 5** dan



mencadangkan award sebanyak RM 8,000.00 bagi scars on the left hip, thigh and knee.

[39] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 10,000.00 bagi scars on the left hip, thigh and knee dengan berpandukan *Revised Compendium 2018* merupakan award yang munasabah dan adil.

[40] Berdasarkan autoriti yang dirujuk oleh Peguam Plaintiff, iaitu **kes Paramasivan a/l Savy Peruman lwn Ibrahim b. Mohd Amin & Anor dan kes Nor Azni Arshad @ Roslan lwn Azrul Ali [2019] PILRU 15**, kuantum yang diujahkan oleh peguam Plaintiff ialah RM 10,000.00 bagi *muscle wasting and reduced muscle power*.

[41] Peguam Defendan pula membawa ke perhatian Mahkamah kes Sophiah binti Md Naim lwn Mohamed Amir Nadzmi bin Mohamed Nasir & Anor [2016] 1 PIR 25 dan mencadangkan award sebanyak RM 1,000.00 bagi *muscle wasting and reduced muscle power*.

[42] Oleh itu, setelah mengambil kira Laporan Perubatan terkini maka Mahkamah berpendapat award yang ditaksirkan oleh Mahkamah ini ialah sebanyak RM 3,000.00 bagi *muscle wasting and reduced muscle power*. dengan berpandukan *Revised Compendium 2018* merupakan award yang munasabah dan adil.



GANTI RUGI KHAS

[43] Mahkamah mentaksirkan amaun ganti rugi khas berdasarkan 100% liabiliti seperti yang berikut:

- (a) Kos perjalanan bagi pesakit dan keluarga sebanyak RM600 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (b) Kos dokumen Polis sebanyak RM 50.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (c) Kos carian JPJ sebanyak RM10.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (d) Kos laporan perubatan sebanyak RM 80.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (e) Kos rawatan/perbelanjaan perubatan/Bil Hospital sebanyak RM 458.00 dibenarkan dimasukkan di bawah kos;
- (f) Ubat-ubatan masa depan dibenarkan sebanyak RM 1000.00;

[44] Plaintiff mengemukakan rayuan bagi kuantum termasuk kos membaiki motorsikal sedangkan Mahkamah telah pun membenarkan tuntutan Plaintiff bagi kos membaiki motosikal No. MCH 3983 sebanyak RM2,548.00.



[45] Berdasarkan kes Janagi lwn Ong Boon Kiat [1971] 1 LNS 42 dan kes Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad lwn Suhaidi Samat [2010] 1 LNS 423 yang memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff dibenarkan sekiranya kecederaan dan tuntutan tersebut telah dihidup, maka Mahkamah tidak membenarkan tuntutan bagi kos seperti yang berikut:

- (a) Kos fisioterapi;
- (b) Kos rawatan/pembedahan masa akan datang; dan
- (c) Kos kesakitan masa depan.

Kesimpulan

[46] Mahkamah berpendapat keseluruhan keputusan yang telah diberikan oleh Mahkamah ini pada 31 Julai 2023 yang memutuskan isu kuantum iaitu amaun gantirugi am dan gantirugi khas yang telah ditaksirkan oleh Mahkamah dalam kes ini wajar dan adil bersesuaian dengan prinsip undang-undang.



(MAZNI BINTI NAWI)

Hakim Mahkamah Sesyen (4) Seremban

Negeri Sembilan Darul Khusus

30 September 2023



Bagi pihak Plaintiff:

Tetuan V Gobi & Associates
Peguambela dan Peguamcara
No. 73-A-1, 1st floor,
Lorong Haruan 5/3,
Oakland Commerce Square
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Bagi pihak Defendan:

Tetuan S.G. Lingam & Co,
No.27, Jalan Bukit Desa 5,
Taman Bukit Desa
58100 Kuala Lumpur.



S/N 4C/6wHmmkGV1jhMykkPEA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal